



SIARAN MEDIA **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

“PENGAGIHAN DIVIDEN PENDEPOSIT SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL TAHUN 2016”

1. **Kuala Lumpur, 13 Februari 2017** – PTPTN mengadakan **pengumuman dividen Skim Simpanan Pendidikan Nasional** bagi **Tahun 2016** iaitu meliputi dua skim simpanan **SSPN-i dan SSPN-i Plus**, bertempat di Menara PTPTN.
2. Pengumuman dibuat oleh **YB. Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Pengerusi PTPTN**. Turut hadir **YBrs. Encik Wan Ahmad bin Wan Yusoff, Ketua Eksekutif PTPTN** serta **Pengurusan Tertinggi PTPTN**.
3. **Kadar dividen SSPN-i/SSPN-i Plus** bagi **tahun 2016** yang diumumkan adalah sebanyak **4 peratus**. Pemberian ini melibatkan anggaran peruntukan sebanyak **RM76.74 juta** dan akan memberi manfaat kepada **lebih 2.7 juta pendeposit SSPN-i/SSPN-i Plus**. Sehingga tahun 2015, PTPTN telah pun mengeluarkan sebanyak **RM212.6 juta** bagi tujuan pengagihan dividen kepada para pendeposit.
4. Kadar 4 peratus dividen SSPN-i/SSPN-i Plus tahun 2016 ini adalah **berdasarkan kepada pulangan bersih pelaburan yang telah dibuat atas deposit yang telah diterima oleh PTPTN** .
5. Tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar kepada semua pihak, namun PTPTN masih dapat **mengekalkan kadar dividen SSPN-i/SSPN-i Plus yang diberikan seperti tahun sebelumnya**.

6. Pemberian kadar dividen yang kompetitif ini diharap menjadikan SSPN-i/SSPN-i Plus lebih berdaya saing dan menarik lebih banyak pembukaan akaun serta penambahan deposit oleh masyarakat Malaysia.
7. Sejak dilancarkan pada tahun 2004 sehingga 31 Disember 2016, **pembukaan akaun SSPN-i adalah sebanyak 2.7 juta akaun dengan jumlah deposit sebanyak lebih RM2.6 bilion.**
8. Manakala bagi SSPN-i Plus yang dilancarkan pada 8 Jun 2015, **pembukaan akaun SSPN-i Plus adalah sebanyak 52,615 akaun dengan jumlah deposit terkumpul sebanyak RM15.8 juta (RM19.9 juta termasuk takaful) dengan jumlah manfaat perlindungan takaful sehingga RM2.3 bilion** direkodkan sehingga 31 Disember 2016.
9. PTPTN telah berjaya **melempi sasarannya tahunan 2016 (RM400 juta) bagi penabungan SSPN-i dan SSPN-i Plus.** Prestasi penabungan SSPN-i/ SSPN-i Plus **meningkat sehingga RM544.49 juta pada tahun 2016** berbanding RM498.61 juta pada tahun 2015 (**peningkatan sebanyak 9.2%**). Ini menunjukkan bahawa terdapat kesedaran untuk membuat penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi di kalangan masyarakat.
10. Pada tahun 2017, PTPTN mensasarkan kutipan deposit sebanyak RM550 juta dengan **penambahan pembukaan akaun baharu sebanyak 350 ribu.**
11. Semasa pembentangan **Belanjawan Negara 2017 pada 21 Oktober 2016, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia** telah mengumumkan bahawa Kerajaan menyediakan pemberian Insentif Khas Geran Sepadan bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus kepada pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan. Ini bermakna bermula 1 Januari 2017 mana-mana ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan untuk anak-anak mereka yang merupakan pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan akan menerima tambahan keistimewaan Insentif Khas Geran Sepadan iaitu deposit percuma bernilai RM50.

Keistimewaan SSPN-i

12. **Keunikan** produk simpanan PTPTN ini **bukan hanya terletak pada dividen semata-mata** tetapi produk SSPN-i ini turut menyediakan **kepelbagaian keistimewaan yang akan dinikmati oleh masyarakat Malaysia yang menabung.**
13. Ibu bapa turut diberikan **pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM6,000 setahun.** Dengan pelepasan taksiran cukai ini dan juga kadar dividen yang diberikan, **pendeposit SSPN-i sebenarnya mendapat keuntungan sehingga hampir 30%.**
14. Bagi produk **SSPN-i**, keluarga yang **berpendapatan tidak melebihi RM4,000 sebulan**, jika anak berjaya ke IPT akan diberikan **geran sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga.** Seterusnya, skim ini juga menjadi pilihan terbaik ibu bapa yang tidak mampu menyediakan takaful pendidikan untuk anak-anak mereka kerana tanpa perlu membuat simpanan secara bulanan skim ini masih menyediakan **perlindungan takaful secara percuma.**

Keistimewaan SSPN-i Plus

15. Bagi produk **SSPN-i Plus** pula menawarkan **enam (6) pakej simpanan dengan komitmen bulanan serendah RM30 sebulan iaitu hanya RM1 sehari yang bukan sahaja untuk simpanan semata-mata, tetapi juga mempunyai perlindungan takaful yang komprehensif, dengan sumbangan premium yang murah.** Keunikan produk ini **bukan hanya terletak pada keistimewaan yang ditawarkan SSPN-i, iaitu pelepasan taksiran cukai pendapatan, dividen yang kompetitif, layak memohon pinjaman PTPTN, simpanan dijamin Kerajaan serta patuh syariah,** tetapi apa yang lebih menarik adalah **manfaat takaful yang akan dinikmati oleh mereka yang membuat tabungan.**
16. Manfaat takaful yang akan dinikmati adalah **manfaat bagi kematian/ ilat kekal menyeluruh akibat kemalangan sehingga RM1 juta, manfaat bagi 36 penyakit kritikal, elaun harian kemasukan hospital sehingga RM200 sehari, khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan maksimum 3 orang anak, perlindungan 24 jam di seluruh negara dan pelan ini tidak memerlukan pemeriksaan kesihatan (hanya perlu menjawab soalan kesihatan bagi mereka yang memilih pakej Berlian).**

17. Selain itu, pendeposit SSPN-i Plus juga **secara automatik layak menyertai Cabutan Wow! SSPN-i Plus** sekiranya membuat simpanan RM50.00 dalam tempoh promosi iaitu 1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2017. **Lebih 300 hadiah bernilai RM1.5 juta** telah disediakan untuk para pendeposit SSPN-i Plus dengan **hadiah utama berupa Proton Perdana**.
18. **Pembukaan akaun SSPN-i Plus amat mudah dilakukan** kerana tiada dokumen sokongan diperlukan dan meliputi saluran berikut:
- i) Secara online melalui <https://sspniplusonline.ptptn.gov.my/sspniplusonline/> ;
 - ii) Ejen Online PTPTN (RNA & EPO);
 - iii) Eksekutif Pemasaran PTPTN; dan
 - iv) Pejabat/ Kaunter PTPTN yang berdekatan di seluruh negeri.

Harapan

19. Skim simpanan pendidikan **SSPN-i/ SSPN-i Plus** di bawah **Tabung Pendidikan utama negara (PTPTN)** ini merupakan **skim simpanan pendidikan yang sewajarnya dimiliki oleh setiap isi rumah** kerana ia menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat yang baik dan menyeluruh untuk warganegara Malaysia.
20. Penabungan dan perancangan kewangan merupakan dimensi penting dalam pendidikan tinggi negara bagi **mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan semata-mata**.
21. Oleh itu, mulakanlah **penabungan SSPN-i/ SSPN-i Plus secara konsisten dan berterusan** untuk masa depan anak-anak dan fikirkan lah **'dividen' masa depan** mereka dari aspek pendidikan.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
13 Februari 2017**